



## NOTIS SEBUT HARGA PERBADANAN PUTRAJAYA

(No. Sebut Harga : PPj/JK/SH(S)/0019/2024)

### Tajuk Sebut Harga :

#### **KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM AUDIO VISUAL DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN FASA 2 DI PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA, PRESINT 5, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja**, dan berdaftar di bawah kod bidang Gred G3 dan ke atas, Kategori MEKANIKAL & ELEKTRIKAL (ME), Pengkhususan E01 (Sistem bunyi) & E04 (Pemasangan voltan rendah) & E07 (Sistem telekomunikasi dalaman) & E11 (Kerja am elektrik) & E14 (Kabel rangkaian komputer) serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **13 DISEMBER 2024 (JUMAAT), jam 10:00 PAGI** di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Dewan 6, Presint 5, Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di dalam SPKK adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **SPKK** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **13 DISEMBER 2024 (JUMAAT)** hingga **18 DISEMBER 2024 (RABU)** dengan bayaran **RM50.00** secara atas talian (online) melalui laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annex, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **20 DISEMBER 2024 (JUMAAT)**.
5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

#### **PERHATIAN:**

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat [bantuan.coins@ppj.gov.my](mailto:bantuan.coins@ppj.gov.my).

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.